

PERUTUSAN TAHUN BARU OLEH PERDANA MENTERI, PADA 29^{HB} DISEMBER, 1971

Hari ini kita melangkah masuk ke ambang tahun baru 1972. Pada hari yang bersempena ini, saya turut serta berdoa dengan seluruh rakyat Malaysia semoga tahun baru ini membawa kita maju setapak lagi ke arah cita-cita keamanan, kesejahteraan dan kemakmuran bagi negara yang dikasihi ini.

Tahun 1971 sudahpun berlalu dan mencatatkan beberapa peristiwa penting bagi kita semua. Kita telah menyaksikan kemajuan-kemajuan dan perkembangan-perkembangan yang amat besar maknanya untuk hari depan bangsa dan negara. Dasar Ekonomi Baru sebagai batu asas bagi membina bangsa Malaysia yang bersatu-padu mula dilaksanakan dan sedang berjalan dengan memuaskan.

Namun begitu kita tidaklah harus berpuas hati kerana matlamat yang hendak kita tuju masih jauh di hadapan. Masih banyak halangan dan cabaran yang perlu kita hadapi sebelum kita dapat mencapai hasrat dan cita-cita sepenuhnya.

Dalam pada itu pula kita terpaksa menempuh berbagai dugaan dan ujian. Bencana alam iaitu banjir telah melanda negara dua kali dalam tahun 1971, yang mengakibatkan penderitaan serta kerugian besar kepada rakyat dan negara. Saya mengambil kesempatan ini berikrar dan mengulangi jaminan kepada rakyat bahawa Kerajaan akan berbuat sedaya upaya untuk menghindarkan bencana banjir itu serta menjalankan segala ikhtiar bagi melegakan penderitaan rakyat.

Dengan tujuan itulah saya telah membentuk Suruhanjaya Tetap bagi Mengawal Bencana Banjir di bawah ketuaan Tan Sri Ghazali Shafie, yang akan menimbang langkah-langkah jangka pendek dan jangka-jangka panjang untuk mengatasi masalah banjir itu.

Sementara itu suasana darurat yang ditimbulkan oleh angkara penjahat-penjahat komunis masih berlaku di beberapa tempat dalam negara. Syukur Alhamdulillah, keadaan adalah terkawal. Kita sesungguhnya terutang budi kepada anggota-anggota Pasukan Keselamatan iaitu kedua-dua angkatan tentera dan

Polis Hutan yang bertugas di kawasan-kawasan sempadan dengan Thailand dan di Sarawak. Saya yakin musuh-musuh negara akan dapat dihapuskan segera supaya kita boleh menumpukan seluruh perhatian kepada pembangunan.

Kerajaan yang saya pimpin ini berazam hendak membawa kebahagiaan kepada rakyat di samping mengekalkan nama Malaysia yang harum di sisi bangsa-bangsa lain di dunia. Rancangan-rancangan yang telah disusun sekarang ini akan dilaksanakan dengan penuh kejayaan dan untuk itu jentera pentadbiran negara siap sedia supaya pelaksanaan tiap-tiap rancangan itu berjalan lancar dan mencapai objektifnya.

Baru-baru ini saya telah membuat perombakan Kabinet dan ini akan mulai berjalan kuatkuasanya hari ini. Sepertimana saya tegaskan di masa-masa lalu, perpaduan negara adalah menjadi keutamaan atau priority buat beberapa tahun yang akan datang ini. Kita akan berusaha terus supaya perpaduan kaum dan harmoni benar-benar berakar umbi pada setiap lapisan masyarakat.

Saya percaya dengan tertubuhnya Kementerian Perpaduan Negara di bawah Tun V. T. Sambanthan, tujuan muktamad yang maha penting ini akan tercapai yang mana akan menjamin kebahagiaan dan kesejahteraan jenerasi-jenerasi akan datang.

Kita telah juga mencatatkan satu kejayaan cemerlang dalam usaha membawa keamanan dan kestabilan politik bagi rantau Asia Tenggara ini. Persidangan Menteri-menteri Luar Negara Asia Tenggara bulan November lalu di Kuala Lumpur telah mendapat kata sepakat menerima perisytiharan menjadikan rantau ini "a zone of peace, freedom and neutrality". Tidak syak lagi langkah ini merupakan satu tindakan yang berani serta mencerminkan hasrat jujur negara-negara kecil menentukan nasib dan hari depan mereka sendiri.

Seperti saya katakan awal tadi, jalan yang kita tempuh masih jauh liku-likunya dan penuh dengan berbagai rintangan. Negara kita menghadapi berbagai-bagai masaalah yang sukar sementara keadaan di sekeliling berubah begitu cepat menjadikan suasana politik antara bangsa kelam dan tidak keruan.

Bagi kita di Malaysia, kita sekarang memasuki tempuh yang menghendaki keamanan penuh mengejar masa untuk melaksanakan Rancangan Malaysia Kedua. Di samping itu sayugialah kita mengukuhkan semangat perpaduan dan muhibbah, mengawal ketenteraman dan kestabilan negara serta memupuk keperibadian nasional dan cita-cita kebangsaan yang murni.

Saya berseru kepada setiap rakyat yang cinta kepada negara supaya bersedia menghadapi cabaran-cabaran masa depan dan memainkan peranan masing-masing untuk kebajikan diri sendiri dan untuk kepentingan negara. Kemegahan negara ini di masa hadapan bergantung atas keyakinan pada diri sendiri serta kejujuran kita membuktikan kepada sejarah dan bahawa kita hari ini telah berbuat segala apa di dalam kesanggupan kita meletakkan batu asas yang kukuh serta menentukan arah haluan untuk jenerasi-jenerasi akan datang.

Marilah kita bersama-sama memasuki tahun baru ini dengan penuh keyakinan dan keazaman menjayakan cita-cita itu.